

Djibouti pelawa Malaysia teroka minyak

REPUBLIK Djibouti mengajak pelabur Malaysia mencari peluang penerokaan minyak di negara itu sebagai langkah membebaskan negara Afrika itu daripada kemiskinan.

Penasihat Undang-undang dan Hal Ehwal Agama negara itu, Ali Mohamed berkata pihaknya menerima tawaran dari negara lain untuk mengadakan penyelidikan

penerokaan minyak di negara itu, bagaimanapun perlu membayar dengan kadar tinggi kepada negara berkenaan.

"Sebagai negara yang miskin, kami berharap dapat mengadakan kerjasama dengan negara Islam lain untuk keluar dari status ini.

"Justeru, kami berharap kerjasama yang dipersetujui antara Malaysia dan Djibouti bulan lalu dapat membantu kami," katanya.

Ali berkata, pihaknya tidak mempunyai produk tertentu untuk ditawarkan bagaimanapun Djibouti yang berkeluasan 320,00 kilometer persegi dengan kedudukan strategik iaitu terletak di laluan Lautan Hindi dan Laut Merah, mampu menjadi tarikan pelabur asing.

Katanya, pihaknya belum pernah mengadakan sebarang penyelidikan untuk menentukan sama ada negaranya memiliki sumber minyak atau tidak, bagaimanapun melalui kajian satelit yang dijalankan Amerika Syarikat, kewujudan sumber asli itu diakui.

Mengulas saranan Dr Mahathir umat Islam keluar daripada belenggu kemiskinan dengan menambahkan usaha, beliau berkata perkara itu adalah sesuatu yang wajar.

Bagaimanapun, katanya, bagi negara yang mundur, pihaknya masih memerlukan sokongan negara Islam yang lebih berjaya dalam usaha keluar dari kemiskinan.